

R.I.P T V ?



Peralihan global ke arah platform digital sememangnya mencabar televisyen tradisional, membentuk semula tabiat penonton serta trend pengiklanan di seluruh dunia, termasuk di Malaysia. Media Prima menunjukkan cara penyiar lama dapat menyesuaikan diri, dengan memanfaatkan pengembangan digital untuk kekal relevan kepada penontonnya.

> **Sorotan
MSWG**

Muka 6

> **Tinjauan Mingguan
MSWG AGM/EGM**

Muka 7

PERUBAHAN ADALAH SATU-SATUNYA YANG KEKAL

Landskap media global sedang mengalami perubahan yang belum pernah berlaku sebelum ini. Dengan kemunculan platform penstriman video seperti YouTube, TikTok dan Netflix, televisyen tradisional yang pernah menjadi pelopor penyedia hiburan dan maklumat, kini menghadapi cabaran yang besar.

Penghijrahan khlayak ke platform alternatif bukan sekadar fenomena global, malah Malaysia turut merasai tempiasnya. Industri media tempatan sedang mengalami pergolakan yang sama. Populariti platform percuma dan perkhidmatan penstriman yang semakin meningkat memaksa pemain media lama untuk memikirkan semula strategi mereka.

Media Prima Berhad, syarikat media bersepadu terbesar di Malaysia, menawarkan contoh yang menarik tentang cara penyiar tradisional dapat menyesuaikan diri dengan anjakan ini, pada masa yang sama turut bergelut dengan cabaran daripada penurunan jumlah penonton televisyen. Syarikat ini juga menjadi contoh cara sesebuah perniagaan dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sentiasa berubah-ubah.

Kebangkitan Platform Alternatif

Daya tarikan platform alternatif terletak pada kebolehcapaian, kebolehsuaian dan faktor kos mampu milik. YouTube dan TikTok mendemokrasikan penciptaan kandungan, membolehkan sesiapa sahaja yang mempunyai telefon pintar berkongsi video untuk menjangkau khlayak global. Tumpuan mereka terhadap kandungan yang dijana oleh pengguna menarik perhatian terutamanya golongan yang lebih muda yang menghargai keaslian serta aksi spontan berbanding dengan produksi TV tradisional yang melalui proses suntingan sebelum disiarkan.

Akses tontonan yang fleksibel mengikut permintaan pengguna adalah satu lagi faktor utama yang mendorong peralihan ini. Platform seperti YouTube dan Netflix membolehkan penonton memilih rancangan yang diingini, pada bila-bila masa, sekaligus mengatasi kekangan yang terdapat pada jadual televisyen tetap. Selain itu, algoritma canggih pada platform seperti TikTok dan Instagram menyusun kandungan berdasarkan minat individu, menjadikan pengalaman menonton lebih menarik dan diperibadikan.

Di Malaysia, peningkatan jumlah telefon pintar serta pelan data mampu milik, ditambah pula dengan pelancaran 5G, menyemarakkan lagi populariti platform yang berorientasikan telefon mudah alih. Golongan muda, terutamanya yang tinggal di kawasan bandar, menjadi peneraju perubahan ini. Mereka meluangkan lebih banyak masa di media digital berbanding dengan televisyen tradisional. Peralihan demografi ini menjadi cabaran besar kepada penyiar yang bergantung pada TV linear untuk memperoleh pendapatan dan pengaruh.

Media Tradisional Berdepan Tekanan

Walaupun televisyen tradisional masih memainkan peranan penting, penguasaannya semakin terhakis. Di Malaysia dan di seluruh dunia, jumlah penonton TV linear semakin berkurangan. Bajet pengiklanan turut berubah, beralih kepada platform digital yang menawarkan ketepatan sasaran serta hasil yang boleh diukur. Menurut Laporan Perbelanjaan Media Pengiklanan Nielsen untuk separuh pertama 2024, pengiklanan digital di Malaysia mencatatkan pertumbuhan dua angka pada tahun 2024, manakala bahagian perbelanjaan iklan melalui media tradisional mengecil.

Perubahan ini menekankan kepentingan platform alternatif yang semakin meningkat. Media sosial dan perkhidmatan penstriman menarik perhatian penonton dan mentakrifkan semula cara kandungan dihasilkan, diedarkan dan ditukarkan kepada wang. Namun, televisyen tradisional masih kekal relevan dalam acara langsung, berita dan program yang berkaitan budaya, yang lebih sukar untuk dihasilkan semula di platform digital.

Media Prima: Kajian Kes dalam Adaptasi

Media Prima menyediakan contoh berharga tentang cabaran dan peluang daripada perubahan ini. Sebagai kumpulan media utama di Malaysia, ia beroperasi dalam pelbagai sektor seperti televisyen, radio, media cetak, pengiklanan luar rumah dan media digital, menjadikannya bersedia untuk mengemudi perubahan landskap ini. Bagaimanapun, seperti rakan seangkatannya di peringkat global, Media Prima perlu menyesuaikan diri dengan pantas supaya kekal relevan.

Prestasi kewangan Syarikat pada tahun kewangan 2024 mencerminkan cabaran industri yang lebih luas. Media Prima mencatatkan penurunan pendapatan sebanyak 41%, daripada RM1.43 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM844.0 juta. Walaupun pendapatannya merosot, keuntungan bersihnya kekal pada RM60.6 juta, hanya menyusut 6.16% berbanding tahun sebelumnya. Usaha pengoptimuman kos serta mempelbagaian aliran pendapatan Kumpulan membolehkannya mengharungi tekanan ekonomi dan mengekalkan keuntungan.

Salah satu langkah Media Prima yang paling ketara ialah pemerolehan REV Media Group, sebuah penerbit digital yang berjaya. REV Media kini menerajui ruang penerbitan digital Malaysia dengan lebih 100 juta pengikut di media sosial. Dengan memanfaatkan kepakaran digital REV, Media Prima berjaya meluaskan jangkauannya kepada golongan muda yang mesra digital, seterusnya menambah sumber pendapatan pengiklanannya.

Selain itu, cabang penstriman video Media Prima, *Tonton*, dijangka mengalami pertumbuhan besar dengan pelancaran 5G yang meningkatkan akses kepada penstriman. Dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) baru-baru ini, Kumpulan menekankan bahawa mereka akan mengekalkan pelaburan yang menguntungkan dalam media tradisional tanpa meningkatkannya. Pada masa yang sama, mereka merancang

untuk melabur secara besar-besaran dalam mengembangkan pustaka kandungan *Tonton*, terutamanya menerusi produksi asal dan tempatan.

Aplikasi TV Pintar baharu *Tonton* juga menyaksikan peningkatan yang ketara dalam jumlah penonton, termasuk peningkatan 100% dalam penonton unik serta lonjakan 400% dalam tontonan video. Peningkatan ini menunjukkan capaian *Tonton* yang semakin meluas serta daya tarikan pustaka kandungannya yang pelbagai.

Selain itu, strategi Media Prima yang menggabungkan kekuatan penyiaran linear dengan platform digital terbukti dalam program *Anugerah Juara Lagu (AJL) ke-38*, yang menarik 6.4 juta penonton, meningkat 13% daripada AJL 37.

Penstriman eksklusif di www.tonton.com.my dan aplikasi *Tonton* menyaksikan peningkatan 153% dalam jumlah jam tontonan. Kandungan AJL juga amat popular di media sosial dengan peningkatan interaksi sebanyak 39.3%, mencecah 3.2 bilion *impression* serta menjadi sohor kini selama tiga hari.

Ekonomi Platform Percuma

Kejayaan platform seperti YouTube dan TikTok terletak pada keupayaan mereka untuk menjana pendapatan melalui kandungan “percuma”. Berbeza dengan televisyen tradisional yang sebahagian besarnya bergantung pada iklan, platform ini memperoleh pendapatan melalui iklan, kerjasama dengan pengengaruh serta penajaan pendapatan melalui data. Bagi pengiklan, daya tarikan platform ini terletak pada keupayaannya untuk menawarkan kempen yang disasarkan berdasarkan data, yang menghasilkan keputusan yang boleh diukur.

Bagi penonton pula, tarikan platform percuma adalah jelas. Mereka dapat menikmati pelbagai jenis kandungan tanpa memerlukan langganan yang mahal. Bagaimanapun, model ini turut menghadapi cabaran, termasuk kebimbangan terhadap privasi data serta kualiti kandungan yang dihasilkan oleh pengguna. Di sebalik kebimbangan ini, model ekonomi kandungan percuma terus menarik ramai pengguna, seterusnya mengubah landskap media secara besar-besaran.

Adakah Televisyen Tradisional Semakin Pupus?

Naratif bahawa televisyen akan pupus sepenuhnya tidaklah tepat. Walaupun pengaruhnya semakin merosot, televisyen masih memainkan peranan penting dalam menyampaikan jenis kandungan tertentu. Acara langsung seperti sukan, berita terkini dan sambutan kebudayaan masih sangat popular di TV linear. Selain itu, penyiar tradisional mempunyai kelebihan dalam menghasilkan kandungan tempatan yang relevan dengan budaya, yang tetap mendapat sambutan hangat daripada penonton Malaysia.

Sebagai contoh, rangkaian televisyen utama Media Prima, TV3, menggambarkan daya tahan ini. TV3 kekal sebagai peneraju pasaran, menguasai lebih 42% bahagian penonton Melayu dan mencatatkan rating yang tinggi untuk program seperti *Buletin Utama*. Sementara itu, pelaburan kumpulan dalam platform penstrimannya, *Tonton*, merapatkan jurang antara media tradisional dan digital. *Tonton* membolehkan penonton mengakses kandungan secara atas permintaan, namun masih mengekalkan hubungan dengan ekosistem TV linear.

Namun, televisyen tradisional perlu terus berinovasi untuk kekal relevan. Ini termasuk strategi hibrid yang menggabungkan kekuatan penyiaran linear dengan platform digital yang fleksibel. Contohnya, pelaburan dalam kecerdasan buatan (AI) dan analisis data boleh membantu penyiar memperibadikan kandungan serta meningkatkan keterlibatan penonton.

Melangkah ke Hadapan

Kebangkitan platform alternatif bukanlah petanda kematian televisyen tradisional tetapi lebih kepada isyarat transformasinya. Dengan menerima perubahan dan memanfaatkan kekuatan yang sedia ada, syarikat media tradisional boleh mencipta masa depan yang mampan. Kisah Media Prima menekankan kepentingan kebolehsuaian, inovasi dan pendekatan yang pelbagai dalam menghadapi landskap media yang kompleks ini. Televisyen tradisional mungkin tidak lagi mendominasi tetapi tetap menjadi bahagian penting dalam ekosistem media yang lebih luas, hidup bersama dan berkembang seiring dengan rakan seangkatannya dalam platform digital.

[TAMAT]


SOROTAN PENTING MSWG

MSWG MENYERU PELABUR TENTANG TANGGUNGJAWAB DI COP29

Ketua Pegawai Eksekutif MSWG, Dr Ismet Yusoff menyertai Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke-29 (*29th UN Climate Change Conferences, COP29*) sebagai ahli panel dalam sesi yang bertajuk "Capital for Change: Investor Responsibility in the Fight Against the Climate Crisis." (*"Modal untuk Perubahan: Tanggungjawab Pelabur dalam Menangani Krisis Iklim."*) Sesi ini dianjurkan oleh Climate Governance Malaysia sebagai sebahagian daripada program maya Pavilion Malaysia di COP29 dan dikendalikan oleh Cik San Mei Kim, Pengasas Green Horizon Advisory.

Dr Ismet bersama-sama ahli panel lain iaitu Tuan Norhisham Bahrin, Rakan Kongsi di Azmi & Associates dan Cik Sujatha Sekhar Naik, Pengerusi Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (*Malaysian Institute of Corporate Governance*), membincangkan cara pelabur dapat mendorong akauntabiliti korporat serta mempercepat tindakan yang bermakna terhadap perubahan iklim.

Beliau menekankan kepentingan aktivisme pemegang saham dalam memastikan syarikat memberikan keutamaan terhadap strategi iklim yang kukuh. Dr Ismet juga menyeru pelaksanaan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang lebih baik, pendedahan menyeluruh berkaitan iklim serta penggunaan pelan peralihan berasaskan sains bagi menangani krisis iklim yang semakin kritikal dengan berkesan.



Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 25 hingga 29 November 2024

Berikut adalah AGM/ EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
25.11.24 (Isnin) 03.15 petang	Vsolar Group Berhad (AGM)	<p><u>Pelaburan Lain</u></p> <p>Kumpulan mempunyai pelaburan disebut harga berjumlah RM30.13 juta pada tahun kewangan berakhir 2024 (tahun kewangan berakhir 2023: RM22.88 juta), mewakili peningkatan 31.69% tahun ke tahun (Halaman 111, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Pelaburan dalam saham disebut harga merangkumi 50.71% daripada jumlah aset bukan semasa Kumpulan (Halaman 68, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Sila senaraikan pelaburan Syarikat dalam saham yang disebut harga mengikut nama saham dan jumlahnya.</p> <p>b) Apakah rasional atau objektif pelaburan Kumpulan untuk melabur dalam saham disebut harga?</p> <p>c) Bagaimanakah Lembaga Pengarah mengurus risiko yang berkaitan dengan pelaburan dalam saham disebut harga? Sila jelaskan pengurusan risiko semasa serta proses membuat keputusan semasa melabur dalam saham disebut harga.</p>
26.11.24 (Selasa) 09.00 pagi	MAG Holding Berhad (AGM)	<p>Pinjaman dengan baki tertunggak sebanyak RM276.72 juta telah diberikan kepada sebuah bekas anak syarikat, Henan Xinghe Oil and Fat Company Limited ("HXOF") pada 1 Oktober 2019 semasa syarikat itu masih merupakan anak syarikat Kumpulan. Pinjaman ini tidak bercagar dan boleh dikutip dalam tempoh lima tahun pada 30 September 2024. Bagaimanapun, para pengarah telah meluluskan lanjutan tempoh pembayaran balik kepada 30 September 2029. Pinjaman ini tidak dikenakan faedah untuk tempoh dari 1 Oktober 2019 hingga 31 Mac 2020 dan akan dikenakan</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		<p>faedah terakru sebanyak 1.75% setahun berkuat kuasa mulai 1 April 2020. Faedah dikira sebagai belum terima untuk setiap tahun yang tertunggak. Penghutang tertunda ini ditentukan nilainya melalui kos terlunas dengan menggunakan kadar faedah 2.75% setahun.</p> <p>Jumlah bayaran balik hanyalah RM5.44 juta manakala faedah terakru berjumlah RM7.55 juta pada tahun kewangan berakhir 2024. (Halaman 96, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah rasional untuk melanjutkan tempoh pinjaman memandangkan faedah yang dikenakan adalah minimum?</p> <p>b) Apakah pandangan Lembaga Pengarah terhadap kebolehtipuan pinjaman kepada HOXF ini? Jika Lembaga Pengarah berpendapat bahawa pinjaman itu dapat dikutip sepenuhnya, apakah alasan untuk membuat kesimpulan ini?</p>
<p>26.11.24 (Selasa) 10.00 pagi</p>	<p>Harn Len Corporation Bhd (AGM)</p>	<p>Hasil buah tandan segar bagi setiap hektar ladang yang matang meningkat kepada 7.11 tan metrik (MT) pada tahun kewangan 2024 daripada 6.73 tan metrik pada tahun kewangan 2023. Kekurangan tenaga kerja terus menjadi cabaran kepada Segmen Perladangan, walaupun terdapat usaha berperingkat oleh kerajaan dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk mengurangkan masalah bekalan pekerja dalam negara. (Halaman 23-24, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah prospek hasil buah tandan segar? Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan hasil buah tandan segar?</p> <p>b) Adakah Kumpulan masih menghadapi masalah kekurangan pekerja?</p> <p>c) Apakah produktiviti buruh Kumpulan dari segi nisbah liputan buruh kepada keluasan tanah pada tahun kewangan 2024? Bagaimanakah jika dibandingkan dengan tahun kewangan 2021?</p>
<p>26.11.24 (Selasa) 10.00 pagi</p>	<p>Harbour-Link Group Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun 2024, pendapatan Kumpulan merosot sebanyak RM65.32 juta daripada RM1,006.96 juta yang dilaporkan pada tahun 2023. Penurunan ini sebahagian besarnya berpunca daripada bahagian perkapalan dan marin. Pendapatan yang</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		<p>rendah adalah disebabkan oleh kadar pengangkutan yang lebih rendah berikutan persaingan sengit daripada syarikat perkapalan utama yang menawarkan lebih banyak kapasiti muatan berat ke dalam pasaran. (Sumber: Halaman 11, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah purata penurunan kadar pengangkutan pada tahun 2024? Selain daripada kadar pengangkutan yang lebih rendah, adakah terdapat penurunan dalam jumlah kapasiti muatan berat yang dibawa dan jika ada, berapakah jumlahnya (penurunan dalam tan metrik dan peratus)?</p> <p>b) Apakah prospek kadar pengangkutan dan kapasiti muatan berat untuk tahun kewangan 2025?</p>
<p>26.11.24 (Selasa) 10.00 pagi</p>	<p>Yong Tai Berhad (AGM)</p>	<p>Juruaudit luar syarikat, Crowe Malaysia PLT mengenal pasti perkara berikut sebagai Perkara Audit Utama pada tahun kewangan 2024. (Halaman 82 - 83, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Pengkelasan aset bukan semasa yang dipegang untuk dijual dan operasi yang dihentikan</p> <p>Pada 31 Julai 2024, Yong Tai memeterai Perjanjian Jual Beli Bersyarat untuk melupuskan hotel lima bintangnya yang dikenali sebagai "Courtyard by Marriott Melaka" (CYMM atau Hotel) dengan balasan tunai berjumlah RM160 juta.</p> <p>Pihak pengurusan melaksanakan penilaian pengkelasan mengikut keperluan MFRS 5, Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Dijual dan Operasi Yang Dihentikan dan membuat kesimpulan bahawa syarat-syarat di bawah MFRS 5 telah dipenuhi setakat 30 Jun 2024. Sehubungan itu, pengurusan mengklasifikasikan CYMM sebagai aset yang dipegang untuk dijual.</p> <p>Crowe Malaysia juga menyatakan bahawa CYMM (yang dimiliki oleh anak syarikat milik penuh Yong Tai iaitu Apple 99 Development Sdn Bhd) turut terlibat dalam pertikaian undang-undang dengan Kerjaya Prospek (M) Sdn Bhd (KP), seperti yang didedahkan dalam Nota 36 – Litigasi Material. Perubahan dalam jangkaan keputusan daripada tuntutan dan pertikaian undang-undang yang masih berterusan ini, serta sebarang pelarasan dalam anggaran dan pertimbangan yang digunakan untuk menilai keputusan ini, boleh</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		<p>memberikan kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan.</p> <p>Yong Tai berpandangan bahawa tuntutan KP dalam Penyata Tuntutan (Statement of Claim, SOC) dijangka tidak mendatangkan kesan kewangan yang material ke atas aset bersih, aset bersih sesaham dan penggearan Kumpulan, memandangkan jumlah kontrak yang terhutang kepada KP telah diperuntukkan secukupnya dalam penyata kewangan Apple 99 untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2024.</p> <p>Berapakah jumlah kontrak yang terhutang kepada KP yang diperuntukkan dalam penyata kewangan Apple 99 pada tahun kewangan 2024? Dalam bahagian manakah jumlah kontrak yang diperuntukkan itu ditunjukkan dalam penyata kewangan Yong Tai?</p> <p>b) Kedudukan kecairan Kumpulan dan Syarikat</p> <p>Merujuk Nota 32(ii) kepada Penyata Kewangan – Risiko Kecairan dan Aliran Tunai (Halaman 123 – 124, Laporan Tahunan 2024), liabiliti kewangan Yong Tai yang berjumlah RM350.08 juta perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan.</p> <p>Setakat 30 Jun 2024, Yong Tai mempunyai paras tunai yang rendah sebanyak RM8.74 juta dan mengalami aliran tunai operasi yang negatif sebanyak RM19.83 juta pada tahun kewangan 2024 berbanding dengan aliran tunai positif sebanyak RM10.76 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>i) Menurut Yong Tai, pelupusan CYMM adalah penting untuk Syarikat bagi mengurangkan hutang dan meningkatkan kecairan. Memandangkan Hotel pada masa ini masih terlibat dalam pertikaian undang-undang yang berterusan, yang mungkin mengambil masa untuk diselesaikan, apakah rancangan luar jangka syarikat jika penjualan tidak dapat diselesaikan dalam jangka masa yang diharapkan? Selain itu, adakah Kumpulan telah mengambil kira potensi kesan kelewatan ini dalam strategi pembayaran balik hutangnya?</p> <p>Sila kongsikan rancangan syarikat untuk memenuhi obligasi hutangnya dalam tempoh 12 bulan akan datang.</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan															
		<p>ii) Adakah kekangan aliran tunai ini akan menjejaskan penyiapan Impression U-Thant dan The Dawn, yang disenaraikan sebagai projek utama yang akan disiapkan pada tahun kewangan 2024?</p> <p>Berapakah peratusan penyiapan untuk kedua-dua projek tersebut?</p>															
<p>26.11.24 (Selasa) 10.00 pagi</p>	<p>FM Global Logistics Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Walaupun pendapatan menyusut, segmen Pengangkutan Laut dan Darat masing-masing mengalami pertumbuhan sebanyak 3.7% dan 30.3% dalam Unit Bersamaan Dua Puluh Kaki (Twenty-Foot Equivalent Unit, TEU). Susulan itu, gabungan volum TEU menunjukkan peningkatan 6.5%, didorong oleh hubungan perniagaan yang boleh dipercayai dengan rangkaian pengangkut pihak ketiga, sambungan terus kepada pengeksport dan pengimport di Malaysia, serta kehadiran yang semakin berkembang dalam pasaran luar negara. Sebaliknya, volum dalam segmen Pengangkutan Udara merosot 11.6% kepada 9.1 juta kilogram. (Halaman 22, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Adakah pertumbuhan dalam volum TEU untuk kedua-dua segmen Pengangkutan Laut dan Darat dapat dikekalkan pada tahun kewangan 2025 dan jika ya, apakah sebabnya?</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan penurunan volum untuk segmen Pengangkutan Udara? Apakah prospek segmen ini untuk tahun kewangan 2025?</p>															
<p>26.11.24 (Selasa) 10.00 pagi</p>	<p>Genetec Technology Berhad (AGM)</p>	<p>Berikut adalah pelanggan utama dengan pendapatan yang sama atau lebih 10% daripada jumlah pendapatan Kumpulan:</p> <table border="1" data-bbox="592 1532 1394 1883"> <thead> <tr> <th data-bbox="592 1532 823 1727"></th> <th data-bbox="823 1532 1067 1727">1.4.2023 hingga 30.6.2024 (15 bulan) RM'000</th> <th data-bbox="1067 1532 1394 1727">1.4.2022 hingga 31.3.2023 (12 bulan) RM'000 (Dinyatakan semula)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="592 1727 823 1765">Pelanggan A</td> <td data-bbox="823 1727 1067 1765">7,202</td> <td data-bbox="1067 1727 1394 1765">37,844</td> </tr> <tr> <td data-bbox="592 1765 823 1803">Pelanggan B</td> <td data-bbox="823 1765 1067 1803">89,142</td> <td data-bbox="1067 1765 1394 1803">142,468</td> </tr> <tr> <td data-bbox="592 1803 823 1841">Pelanggan C</td> <td data-bbox="823 1803 1067 1841">227,067</td> <td data-bbox="1067 1803 1394 1841">55,983</td> </tr> <tr> <td data-bbox="592 1841 823 1883"></td> <td data-bbox="823 1841 1067 1883">323,411</td> <td data-bbox="1067 1841 1394 1883">236,295</td> </tr> </tbody> </table> <p>(Nota 32, halaman 147, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Pelanggan C menyumbangkan pendapatan yang agak besar iaitu 65.4% daripada pendapatan Kumpulan yang</p>		1.4.2023 hingga 30.6.2024 (15 bulan) RM'000	1.4.2022 hingga 31.3.2023 (12 bulan) RM'000 (Dinyatakan semula)	Pelanggan A	7,202	37,844	Pelanggan B	89,142	142,468	Pelanggan C	227,067	55,983		323,411	236,295
	1.4.2023 hingga 30.6.2024 (15 bulan) RM'000	1.4.2022 hingga 31.3.2023 (12 bulan) RM'000 (Dinyatakan semula)															
Pelanggan A	7,202	37,844															
Pelanggan B	89,142	142,468															
Pelanggan C	227,067	55,983															
	323,411	236,295															

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		<p>berjumlah RM347.0 juta, manakala Pelanggan B menyumbangkan 25.7% kepada jumlah pendapatan Kumpulan. Kedua-dua pelanggan ini secara keseluruhannya membentuk 91.1% daripada jumlah pendapatan Kumpulan. Jumlah ini amat ketara, menimbulkan risiko kredit dan risiko penumpuan pelanggan yang sangat tinggi.</p> <p>Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk menangani risiko ini dan adakah terdapat apa-apa perkembangan positif yang akan berlaku dalam masa terdekat?</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan penurunan ketara dalam sumbangan pendapatan Pelanggan A?</p>
<p>26.11.24 (Selasa) 11.00 pagi</p>	<p>Golden Land Berhad (AGM)</p>	<p>Menurut The Star bertarikh 23 September 2024, Indonesia mengurangkan levi eksport ke atas minyak sawit dalam usaha untuk meningkatkan penghantaran komoditi tropika itu. Penanam kelapa sawit terbesar di dunia itu menetapkan levi minyak sawit mentah pada 7.5% daripada harga rujukan, menurut dekri yang disiarkan di laman sesawang kementerian kewangan. Peraturan baharu itu, berkuat kuasa mulai Ahad (22 September), akan mengurangkan duti kepada USD63 untuk satu tan daripada USD90 untuk September. Levi untuk produk sawit yang diproses adalah antara 3% dan 6%.</p> <p>(Sumber:https://www.thestar.com.my/aseanplus/2024/09/23/indonesia-cuts-palm-oil-levy-to-be-more-competitive)</p> <p>Bagaimanakah dan sejauh manakah langkah ini menjejaskan struktur kos keseluruhan Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2025? Bagaimanakah ia menjejaskan strategi Kumpulan yang sedia ada dan untuk masa hadapan?</p>
<p>26.11.24 (Selasa) 11.00 pagi</p>	<p>Inari Amertron Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan memperoleh keuntungan bersih sebanyak RM300.1 juta pada tahun kewangan 2024, menyusut 7.7% daripada RM325.0 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2023. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pergerakan yang tidak menggalakkan dalam kadar pertukaran asing, peningkatan dalam kadar elektrik serta kerugian daripada kerja-kerja yang sedang dijalankan, yang berpunca daripada gangguan bekalan elektrik yang tidak stabil daripada grid yang dialami pada tahun kewangan dalam tinjauan, dan hal ini telah dibetulkan. (Halaman 32, Laporan Tahunan 2024)</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		<p>Melihat kerugian daripada kerja-kerja yang sedang dijalankan yang timbul daripada gangguan bekalan elektrik yang tidak stabil daripada grid, yang dialami sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan. Apakah kesannya, dari segi kerugian kewangan dan bukan kewangan kepada Kumpulan?</p>
<p>26.11.24 (Selasa) 02.30 petang</p>	<p>Cheetah Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan melaporkan pemulihan dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.0 juta pada tahun kewangan 2024, berbanding kerugian sebelum cukai sebanyak RM17.2 juta pada tahun kewangan 2023. Bagaimanapun, pemulihan ini tidak dijana secara organik kerana sebahagian besarnya berpunca daripada pelupusan pelaburan disebut harga serta keuntungan nilai saksama dalam pelaburan disebut harga. (Sumber: Halaman 10, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah arah aliran pertumbuhan organik untuk prestasi Kumpulan?</p> <p>b) Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk mengekalkan pertumbuhan organik pada tahun-tahun akan datang, dengan mengambil kira kedudukannya yang kukuh dalam kumpulan berpendapatan rendah seperti yang dinyatakan dalam AGM ke-26, pada masa yang sama turut menyasarkan untuk meningkatkan margin keuntungan menerusi harga jualan yang lebih tinggi?</p>
<p>27.11.24 (Rabu) 09.30 pagi</p>	<p>Hibiscus Petroleum Berhad (AGM)</p>	<p>Pada tahun kewangan 2024, kami menjual sejumlah kira-kira 5.2 juta tong (million barrels, MMbbl) minyak dan kondensat serta 2.7 juta tong setara minyak (million of barrels of oil equivalent, MMboe) gas. Daripada jumlah tersebut, 5.2 MMboe diperoleh daripada aset di bawah kumpulan Peninsula Hibiscus, 1.8 MMbbl daripada North Sabah dan 0.8 MMboe dijual daripada Kluster Anasuria. (Halaman 32, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah prospek pertumbuhan pengeluaran untuk setiap aset utama iaitu Peninsula Hibiscus, North Sabah dan Kluster Anasuria?</p> <p>b) Adakah Kumpulan merancang apa-apa pelaburan utama untuk meningkatkan pengeluaran daripada medan ini?</p> <p>c) Memandangkan terdapat peralihan yang berterusan ke arah tenaga yang lebih bersih, bagaimanakah HIBISCUS</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		mengurus kemampuan jangka panjang untuk aset-aset pengeluaran ini?
27.11.24 (Rabu) 10.00 pagi	Awanbiru Technology Berhad (AGM)	<p>Kumpulan menyertai beberapa rakan strategik baharu bagi meningkatkan portfolio penawarannya. Antara rakan kongsi ini ialah Sage dan Storecove, masing-masing merupakan peneraju teknologi dalam bidang Perancangan Sumber Perusahaan (Enterprise Resource Planning, ERP) dan e-invois. Kerjasama ini akan membolehkan mereka menyokong inisiatif e-invois kerajaan, pada masa yang sama menyampaikan nilai yang penting kepada pelanggan di Malaysia. (Halaman 24, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Adakah Kumpulan berjaya mendapatkan apa-apa kontrak yang berkaitan dengan ERP dan e-invois? Jika ada, berapakah jumlah nilainya?</p>
27.11.24 (Rabu) 10.00 pagi	Komarkcorp Berhad (AGM)	<p>“Kerugian besar itu didorong oleh penurunan mendadak dalam permintaan pasaran untuk pelitup muka, yang menjejaskan jualan dan keuntungan secara keseluruhan. Di sebalik cabaran ini, Syarikat sedang giat mengejar peluang baharu, menumpukan pada pengembangan ke pasaran eksport bagi meraih permintaan antarabangsa serta menggiatkan semula prestasi segmen Pelitup Muka.”</p> <p>a) Dalam jawapan kepada MSWG bertarikh 19 November 2023, dinyatakan juga bahawa Kumpulan menyasarkan untuk mengeksport pelitup muka ke Timur Tengah dan Eropah. Sila nyatakan perkembangan terkini status yang berkaitan usaha untuk mengembangkan pasaran eksport pelitup muka.</p> <p>b) Segmen pelitup muka Kumpulan melaporkan kerugian selepas cukai sebanyak RM29.03 juta pada tahun kewangan berakhir 2024 berbanding dengan kerugian selepas cukai sebanyak RM4.62 juta.</p> <p>Melihat permintaan global untuk pelitup muka yang terus menurun, adakah Syarikat mengakui bahawa segmen ini mungkin tidak lagi berdaya maju dalam bentuk semasanya? Apakah perancangan luar jangka sekiranya strategi eksport ini tidak membuahkan hasil yang positif?</p> <p>c) Sila berikan analisis kos-manfaat yang terperinci untuk meneruskan perniagaan pelitup muka berbanding</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		<p>dengan mengalihkan sumber kepada segmen/ usaha niaga yang berprestasi lebih tinggi.</p> <p>d) "Disebabkan oleh penurunan permintaan untuk pelitup muka serta pemberhentian sementara pengeluaran pelitup muka pada November 2023" (Halaman 63, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Bilakah tarikh jangkaan untuk menyambung semula pengeluaran pelitup muka?</p>
<p>27.11.24 (Rabu) 10.00 pagi</p>	<p>Karex Berhad (AGM)</p>	<p>1. Keuntungan secara keseluruhan terjejas oleh pengiktirafan peruntukan kerugian rosot nilai ke atas kemudahan sarung tangan kami berjumlah RM5.2 juta, yang menghadapi kekurangan penggunaan akibat isu lebihan bekalan global yang belum dapat diselesaikan (Halaman 12 & 98, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Apakah prospek untuk operasi pembuatan sarung tangan di Thailand? Adakah ia dijangka terus menjejaskan prestasi keuntungan Kumpulan pada tahun kewangan 2025?</p> <p>2. Apakah pendirian Lembaga Pengarah dalam mengekalkan atau melepaskan operasi pembuatan sarung tangan ini?</p>
<p>27.11.24 (Rabu) 11.00 pagi</p>	<p>Eurospan Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Operasi berterusan</p> <p>Pada tahun kewangan berakhir 31 Mei 2024 (tahun kewangan 2024), Eurospan mencatatkan pendapatan berjumlah RM23.02 juta berbanding dengan RM37.37 juta yang dilaporkan pada tahun kewangan sebelumnya (Halaman 74, Laporan Tahunan 2024). Keuntungan selepas cukai pula adalah sebanyak RM5.70 juta berbanding dengan RM14.83 juta yang dilaporkan pada tahun kewangan sebelumnya (Halaman 48, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Kumpulan meramalkan persekitaran perniagaan yang lebih mencabar pada tahun kewangan berakhir 31 Mei 2025 (tahun kewangan 2025), berlatarkan ketidakpastian pasaran global dengan konflik Hamas-Israel, perang Rusia-Ukraine serta peningkatan kadar inflasi dan kadar</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		<p>faedah di peringkat global (Halaman 6, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Bagaimanakah Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan berhasrat untuk mengurus prestasi kewangan Kumpulan pada masa hadapan, terutamanya apabila pendapatan yang dicatatkan pada tahun kewangan 2024 merosot lebih 30% berbanding dengan tahun sebelumnya?</p> <p>b) Mengapakah segmen pasaran Asia Pasifik menyaksikan penurunan mendadak dalam sumbangan pendapatannya pada tahun kewangan 2024? (Halaman 74, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>c) Sejauh manakah faktor yang dinyatakan di atas, seperti konflik geografi, memberi kesan terhadap pasaran eksport dan perniagaan Kumpulan dalam tempoh dua tahun kewangan akan datang?</p> <p>d) Adakah industri ini mengalami perubahan dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan ini? Jika ada, ke mana hala tujunya?</p>
<p>27.11.24 (Rabu) 11.00 pagi</p>	<p>Chin Well Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan Kumpulan merosot sebanyak 24.8% kepada RM343.25 juta pada tahun kewangan 2024, sebahagian besarnya disebabkan oleh harga jualan purata (average selling price, ASP) yang kurang memberangsangkan serta volum jualan yang lemah dalam persekitaran pasaran yang mencabar. (Halaman 13, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berapakah penurunan dalam ASP dan volum jualan pada tahun kewangan 2024?</p> <p>b) Apakah produk khusus yang mengalami kemerosotan terbesar dalam pendapatannya? Bagaimanakah trend jualan untuk produk ini jika dibandingkan dengan purata industri?</p> <p>c) Bagaimanakah prospek untuk ASP pada tahun kewangan 2025?</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
28.11.24 (Khamis) 10.00 pagi	Maxland Berhad (AGM)	<p>1. Juruaudit luar telah menimbulkan ketidakpastian material yang berkaitan dengan usaha berterusan, yang disebabkan oleh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan mengalami kerugian kasar dan kerugian bersih masing-masing berjumlah RM31.5 juta dan RM61.2 juta, untuk tempoh kewangan berakhir 2024; dan • Liabiliti semasa Kumpulan melebihi aset semasa sebanyak RM69.8 juta pada penghujung tempoh kewangan berakhir 2024, termasuk kewajipan yang ketara berjumlah RM59.6 juta kepada pemiutang pihak ketiga yang tidak dipatuhi oleh Kumpulan menurut syarat pembayaran balik perjanjian penyelesaian tersebut. <p>Keadaan ini menimbulkan keraguan yang ketara terhadap keupayaan Kumpulan untuk meneruskan sebagai usaha berterusan. (Halaman 93, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Untuk menangani cabaran ini, satu daripada rancangan Kumpulan adalah pengumpulan dana melalui pelaksanaan Waran B, dengan Pengarah menunjukkan hasrat mereka untuk meneruskan pelaksanaan itu dalam tahun kewangan yang akan datang. (Halaman 93, Laporan Tahunan 2024) Memandangkan terdapat ketidakpastian dalam keputusan pemegang waran, apakah rancangan alternatif Kumpulan sekiranya mereka tidak berupaya mendapatkan dana yang diperlukan melalui pelaksanaan Waran B?</p> <p>b) Rancangan lain melibatkan usaha untuk mencapai “operasi yang menguntungkan pada masa hadapan” (Halaman 93, Laporan Tahunan 2024). Sila berikan butiran lanjut tentang “operasi yang menguntungkan pada masa hadapan” ini serta keyakinan Lembaga Pengarah untuk mencapainya.</p> <p>c) Segmen operasi manakah yang menjadi penyumbang utama kepada kerugian kasar</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Dijjukan
		<p>berjumlah RM31.5 juta? Apakah faktor yang menyebabkan kerugian ini? Adakah Lembaga Pengarah menjangkakan trend ini akan berterusan sehingga tahun kewangan berakhir 2025?</p> <p>2. Pemiutang pihak ketiga utama, dengan baki tertunggak sebanyak RM59.6 juta (2022: RM33.0 juta), mengenakan faedah pada kadar 12% setahun ke atas bayaran pokok yang tertunggak, perlu dibayar dalam 44 ansuran bulanan, dengan bayaran akhir perlu dibayar pada bulan Jun 2021. Sebarang kelewatan dikenakan penalti tambahan sebanyak 6% setahun. Kumpulan masih kekal ingkar, tidak membuat pembayaran balik dalam tempoh kewangan berakhir 2024. Faedah sebanyak RM25.2 juta telah diperuntukkan dalam penyata kewangan. (Halaman 130, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berdasarkan kadar faedah tahunan terkompoun secara bulanan sebanyak 18% ke atas baki tertunggak pada tahun 2022 sebanyak RM33.0 juta, faedah untuk tempoh 18 bulan dianggarkan berjumlah RM10.1 juta. Sila jelaskan pengiraan faedah sebanyak RM25.2 juta yang dicatatkan dalam penyata kewangan.</p> <p>b) Apakah rancangan Kumpulan untuk menyelesaikan baki tertunggak? Adakah Kumpulan telah memulakan rundingan dengan pemiutang utama ini berhubung syarat pembayaran balik?</p> <p>c) Apakah risiko Syarikat diklasifikasikan sebagai Syarikat PN17 berikutan kegagalannya membuat pembayaran balik kepada pemiutang?</p>
28.11.24 (Khamis) 10.00 pagi	Bonia Corporation Berhad (AGM)	<p>Selama bertahun-tahun, Bonia telah melaksanakan strategi rasionalisasi iaitu mengurangkan kehadirannya dalam gedung serbaneka dengan menutup kaunter konsainan yang tidak berprestasi, pada masa yang sama menambah bilangan butik sendiri dengan memanfaatkan ekuiti jenamanya yang kukuh.</p> <p>a) Bagaimanakah prestasi jualan bulanan secara purata untuk setiap butik sendiri serta kaunter konsainan di</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan		
		<p>Malaysia dan Singapura berbanding dengan tahun sebelumnya?</p> <p>b) Bagaimanakah purata nilai jualan bagi setiap transaksi berbanding dengan tahun sebelumnya? Adakah usaha Kumpulan untuk meningkatkan pengalaman pelanggan di dalam kedai menyumbang kepada peningkatan dalam perbelanjaan pelanggan serta kadar pertukaran jualan yang lebih baik?</p> <p>c) Apakah rancangan Kumpulan untuk pembesaran dan penaikan taraf kedai dalam tempoh dua tahun akan datang?</p>		
28.11.24 (Khamis) 10.00 pagi	Supermax Corporation Berhad (AGM)	<p>Inventori Kumpulan meningkat kepada RM181.9 juta daripada RM157.2 juta pada tahun sebelumnya (Halaman 136, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Memandangkan permintaan masih beransur pulih, apakah faktor yang menyumbang kepada peningkatan tahap inventori? Adakah faktor ini menimbulkan kebimbangan terhadap inventori usang?</p> <p>b) Daripada inventori yang berjumlah RM181.9 juta pada akhir tahun kewangan 2024, berapakah bahagian yang diukur pada nilai boleh direalisasi bersih?</p>		
28.11.24 (Khamis) 10.00 pagi	Iconic Worldwide Berhad AGM	<p>IWB mengalami kerugian dalam tempoh kewangan 15 bulan berakhir 30 Jun 2024 (tempoh kewangan berakhir 2024) dengan peningkatan kerugian bersih kepada RM117.11 juta (tahun kewangan 2023: -RM24.65 juta). Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peruntukan, rosot nilai dan hapus kira secara besar-besaran yang berjumlah kira-kira RM86 juta. Sementara itu, pendapatan IWB untuk tempoh 15 bulan itu berjumlah RM50.33 juta (tahun kewangan 2023: RM86.84 juta).</p> <p>Pecahan untuk peruntukan, rosot nilai dan hapus kira yang ketara adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="676 1944 1299 2031"> <tr> <td data-bbox="676 1944 1086 2031">Butiran</td> <td data-bbox="1086 1944 1299 2031">TKB*2024 (RMjuta)</td> </tr> </table>	Butiran	TKB*2024 (RMjuta)
Butiran	TKB*2024 (RMjuta)			

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan	
		Kerugian rosot nilai ke atas hartanah, loji dan peralatan	74.31
		Peruntukan kerugian untuk inventori usang	5.94
		Inventori dihapus kira	1.36
		Penurunan nilai inventori kepada nilai boleh direalisasi bersih	1.07
		Rosot nilai ke atas penghutang	3.4
		Jumlah	86.04
		<p>TKB* – tahun kewangan berakhir</p> <p>Sumber: Halaman 28, 102, dan 103, Laporan Tahunan 2024</p> <p>a) Dalam tempoh kewangan berakhir 2024, IWB melaksanakan kerugian rosot nilai sebanyak RM74.31 juta ke atas hartanah, loji dan peralatan (property, plant & equipment, PPE) yang berkaitan dengan aktiviti pembuatan sarung tangan. Dalam tempoh kewangan yang sama, Kumpulan membuat keputusan untuk menutup terus barisan pengeluaran sarung tangannya, yang menimbulkan hasrat untuk melupuskan loji dan jentera yang berkaitan. Barisan pengeluaran sarung tangan telah memulakan pengeluaran pada tahun 2020.</p> <p>Sehubungan itu, Kumpulan telah memeterai perjanjian jual beli (sale and purchase agreement, SPA) dengan Tegamen Safety Products Pvt Ltd untuk pelupusan loji dan jentera pada harga USD1.73 juta (atau bersamaan RM7.48 juta).</p> <p>i) Apakah yang menyebabkan rosot nilai secara besar-besaran ke atas hartanah, loji dan peralatan selepas hanya empat tahun beroperasi? Apakah yang mencetuskan Kumpulan untuk keluar daripada perniagaan pembuatan sarung tangan?</p> <p>ii) Berapakah jumlah yang dilaburkan oleh Kumpulan dalam perniagaan pembuatan sarung tangan? Bagaimanakah Kumpulan mendapatkan harga jualan sebanyak USD1.73 juta? Apakah keuntungan atau kerugian proforma daripada transaksi ini?</p>	

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Dijjukan
		<p>iii) Adakah pelupusan loji dan jentera berkaitan sarung tangan kepada Tegamen melibatkan penjualan tanah? Berapakah bilangan barisan pencelupan yang akan dijual di bawah SPA tersebut? Sila jelaskan.</p> <p>iv) Jika diimbis kembali, apakah yang sepatutnya dilakukan oleh Kumpulan? Apakah pengajaran yang diperoleh daripada usaha yang tidak membuahkan hasil ini?</p> <p>b) IWB juga menyediakan peruntukan berjumlah RM5.94 juta untuk inventori usang dalam tempoh kewangan berakhir 2024 (halaman 147, Nota 10 – Inventori, Laporan Tahunan 2024). Sementara itu, Kumpulan turut menghapus kira dan menurunkan nilai inventori, masing-masing berjumlah RM1.36 juta dan RM1.07 juta.</p> <p>i) Dalam peringkat manakah Kumpulan membuat peruntukan untuk inventori usang ini? Bahan mentah, kerja dalam proses atau barangan siap? Mengapakah Kumpulan membuat peruntukan yang begitu besar?</p> <p>ii) Berapakah anggaran jumlah yang boleh diselamatkan daripada inventori yang diturunkan nilainya? Memandangkan terdapat penurunan nilai inventori yang ketara berjumlah RM15.45 juta pada tahun kewangan 2023, adakah Kumpulan perlu mengkaji semula dasar pengurusan inventornya?</p> <p>c) Peruntukan berjumlah RM3.4 juta untuk kerugian rosot nilai ke atas penghutang adalah kira-kira 90% daripada jumlah penghutang perdagangan dan penghutang lain IWB iaitu RM3.784 juta (selepas ditolak kerugian rosot nilai) pada tempoh kewangan berakhir 2024.</p> <p>i) Siapakah pelanggan yang tidak mampu membayar balik hutang mereka?</p> <p>ii) Apakah tindakan yang diambil untuk mengutip semula jumlah tersebut? Berapakah peratus daripada rosot nilai ini dijangka tidak dapat dipulihkan?</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan																		
		<p>iii) Berapakah daripada jumlah penghutang perdagangan yang dirosot nilai ini telah berjaya dikutip semula setakat ini?</p>																		
<p>28.11.24 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>Jaya Tiasa Holdings Bhd (AGM)</p>	<p>Pengumuman Bajet 2025 baru-baru ini termasuklah kenaikan gaji minimum, struktur cukai eksport minyak sawit mentah baharu serta levi keuntungan durian runtuh yang disemak semula.</p> <p>a) Sejauh manakah perkara di atas memberi kesan terhadap struktur kos Kumpulan secara keseluruhan pada tahun kewangan berakhir 2025?</p> <p>b) Berapa peratus daripada tenaga kerja semasa Kumpulan yang memperoleh gaji minimum?</p> <p>c) Bagaimanakah perkara ini menjejaskan keputusan strategik Kumpulan, seperti pelaburan dalam automasi, mekanisasi atau teknologi penjimatan kos lain?</p>																		
<p>28.11.24 (Khamis) 11.00 pagi</p>	<p>GIIB Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Walaupun mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi untuk tahun kewangan berakhir 2024, Kumpulan masih mengalami kerugian selama beberapa tahun seperti yang ditunjukkan di bawah:</p> <div data-bbox="587 1301 1230 1637" data-label="Figure"> <table border="1"> <caption>Financial Performance of the Group</caption> <thead> <tr> <th>Fiscal Year</th> <th>Revenue</th> <th>Loss attributable to owners of the Company</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>FYE2020</td> <td>45,000</td> <td>-15,000</td> </tr> <tr> <td>FYE2021</td> <td>35,000</td> <td>-25,000</td> </tr> <tr> <td>FYE2022</td> <td>50,000</td> <td>-10,000</td> </tr> <tr> <td>FYE2023</td> <td>40,000</td> <td>-10,000</td> </tr> <tr> <td>FYE2024</td> <td>55,000</td> <td>-10,000</td> </tr> </tbody> </table> </div> <p>a) Apakah strategi khusus yang dilaksanakan oleh Kumpulan bagi menangani kerugian yang berterusan walaupun terdapat peningkatan dalam pendapatan pada tahun kewangan berakhir 2024? Adakah terdapat sebarang garisan masa untuk Kumpulan menjangkakan peningkatan yang ketara dalam prestasi kewangannya?</p> <p>b) Kumpulan telah menjalankan semakan, pengoptimuman dan rasionalisasi terhadap peruntukan</p>	Fiscal Year	Revenue	Loss attributable to owners of the Company	FYE2020	45,000	-15,000	FYE2021	35,000	-25,000	FYE2022	50,000	-10,000	FYE2023	40,000	-10,000	FYE2024	55,000	-10,000
Fiscal Year	Revenue	Loss attributable to owners of the Company																		
FYE2020	45,000	-15,000																		
FYE2021	35,000	-25,000																		
FYE2022	50,000	-10,000																		
FYE2023	40,000	-10,000																		
FYE2024	55,000	-10,000																		

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		<p>kos inventori, yang mengakibatkan peningkatan dalam kos tersebut sebagai perbelanjaan pada tahun kewangan 2024. Terangkan secara ringkas bagaimanakah sistem pengurusan inventori telah mengakibatkan peningkatan dalam kos inventori sebagai perbelanjaan? Apakah rancangan dan langkah yang akan diguna pakai untuk mengatasi situasi ini pada masa hadapan?</p>
<p>28.11.24 (Khamis) 11.00 pagi</p>	<p>Kamdar Group (M) Berhad AGM</p>	<p>Pendapatan peruncitan Kumpulan berada dalam aliran menurun, dengan mencatatkan sejumlah RM52.8 juta pada tahun kewangan 2024, berbanding dengan RM108.5 juta pada tahun kewangan 2020. Kumpulan juga mengalami kerugian bersih sebanyak RM10.8 juta pada tahun kewangan 2024, berbanding dengan RM5.2 juta pada tahun kewangan 2023. (Sumber: Halaman 13, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Bagaimanakah Kumpulan dapat melonjakkan kembali pendapatan peruncitannya, seterusnya mengubah arah aliran yang menurun?</p> <p>b) Bilakah pihak Pengurusan menjangkakan prestasi Kumpulan akan bertukar menguntungkan? Bagaimanakah prospek untuk tahun kewangan 2025?</p>
<p>28.11.24 (Khamis) 02.00 petang</p>	<p>Scanwolf Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Scanwolf terus mencatatkan kerugian pada tahun kewangan 2024, walaupun kerugian sebelum cukainya jauh lebih rendah iaitu sebanyak RM6.72 juta, berbanding dengan RM10.41 juta pada tahun sebelumnya. Sementara itu, pendapatannya merosot sebanyak 10.26% kepada RM32.8 juta daripada RM36.55 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Prestasi yang bertambah baik sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan tidak berulang atas penamatan opsyen saham serta penepian hutang, masing-masing berjumlah RM7.6 juta dan RM1.93 juta.</p> <p>Dari segi operasi, prestasi bahagian Pembuatan teras kekal membimbangkan apabila kerugian daripada operasi meningkat kepada RM12.8 juta, berbanding dengan</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		<p>kerugian berjumlah RM7.10 juta pada tahun kewangan 2023. (Halaman 143 - 147, Nota 27 - Pelaporan segmen, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Juruaudit luar Scanwolf, Tetuan PKF PLT sekali lagi mengetengahkan isu usaha berterusan Kumpulan dan Syarikat sebagai salah satu perkara audit utama (Halaman 64, Laporan Juruaudit Bebas, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>PKF melaporkan, “Kumpulan mengalami kerugian bersih sebanyak RM6,505,532 dalam tahun kewangan yang ditinjau, menunjukkan terdapat risiko usaha berterusan untuk anak syarikat tertentu serta rizab tunai Kumpulan yang rendah. Keadaan ini menunjukkan bahawa wujud ketidakpastian yang ketara yang mungkin menimbulkan keraguan yang ketara terhadap keupayaan Kumpulan untuk meneruskan sebagai usaha berterusan.”</p> <p>Keadaan ini, ditambah lagi dengan tahap ekuiti yang merosot (berjumlah RM43.73 juta) serta peningkatan kerugian terkumpul (berjumlah RM29.95 juta), menunjukkan keperluan terhadap tindakan yang strategik dan drastik bagi menambah baik kedudukan kewangan dan prestasi Kumpulan.</p> <p>Apabila Kumpulan memasuki tahun kewangan baharu, apakah yang menjadi keutamaannya bagi menangani cabaran di atas, seterusnya mengubah prestasi Kumpulan?</p> <p>b) Pada Julai 2024, pemegang saham Scanwolf meluluskan rancangan pemelbagaian Syarikat ke dalam bidang pembinaan dan aktiviti berkaitan.</p> <p>Bilakah bahagian Pembinaan yang baharu ini mula menyumbang kepada Kumpulan? Apakah potensi kesan kewangan yang boleh kita jangkakan daripada pengembangan ini?</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		<p>c) Pihak pengurusan telah melakukan semakan terhadap rosot nilai dan membuat kesimpulan bahawa rosot nilai sebanyak RM6.25 juta dibuat ke atas hartanah, loji dan peralatan yang terbiar dan tidak digunakan pada akhir tahun kewangan (Halaman 65, Laporan Juruaudit Bebas, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>d) Apakah kadar penggunaan semasa untuk kilang pembuatan? Apakah langkah yang boleh diambil oleh Syarikat untuk menggunakan lebih kapasiti kilangnya dengan lebih baik?</p> <p>e) Penepian hutang yang berjumlah RM1.93 juta telah diiktiraf sebagai pendapatan operasi lain pada tahun kewangan 2024 (Halaman 107, Nota 4 - Pendapatan operasi lain, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Dari manakah wujudnya penepian hutang ini?</p>
29.11.24 (Jumaat) 10.00 pagi	PLS Plantation Berhad (AGM)	<p>Hasil buah tandan segar Kumpulan merosot daripada 13.3 tan metrik sehektar pada tahun kewangan 2021 kepada 7.8 tan metrik sehektar pada tahun kewangan 2024. Sementara itu, langkah pemulihan fisiologi pokok kelapa sawit dan sanitasi ladang mengikut piawaian industri akan diteruskan ke tahun 2025 sebagai sebahagian daripada usaha konsisten Kumpulan untuk meningkatkan kecekapan dan hasil pengeluaran. (Halaman 13 dan 18, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Apakah faktor yang menyumbang kepada penurunan hasil buah tandan segar sejak beberapa tahun lalu?</p> <p>b) Apakah langkah pemulihan khusus yang sedang dilaksanakan untuk memperbaiki fisiologi pokok kelapa sawit? Bagaimanakah tindakan ini memberi kesan kepada hasil dan produktiviti secara keseluruhan?</p> <p>c) Apakah prospek untuk hasil buah tandan segar?</p>
29.11.24 (Jumaat) 10.00 pagi	Menang Corporation (M) Berhad (AGM)	Menang menandatangani dua perjanjian kerjasama dengan rangkaian farmasi terkemuka, Alpro Alliance Sdn Bhd (Alpro) pada April dan Mei 2024, yang menandakan penerokaan syarikat itu ke dalam sektor farmasi runcit

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Dijajukan
		<p>yang sedang berkembang pesat di Indonesia serta industri penjagaan kesihatan dan kesejahteraan yang semakin berkembang di Malaysia (Halaman 16, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Mengapakah Kumpulan membuat keputusan untuk meneroka sektor farmasi runcit di Indonesia dan memilih Alpro sebagai rakan kongsinya untuk farmasi runcit dan Taman Kesihatan dan Kesejahteraan (Healthcare and Wellness Park)? Apakah tugas dan peranan Menang dalam kedua-dua usaha sama itu?</p> <p>b) Adakah Alpro mempunyai kehadiran yang kukuh dalam kalangan farmasi runcit di Indonesia atau apa-apa pengalaman untuk mengendalikan Taman Kesihatan dan Kesejahteraan?</p> <p>c) Penyertaan Menang dalam usaha niaga di Indonesia dipermudah melalui langganan ekuiti sebanyak 20% dalam Alpro Menang Ventures Sdn Bhd (AMV), manakala baki 80% kepentingan dalam AMV dipegang oleh Alpro.</p> <p>Mengapakah penyertaan ekuiti Kumpulan dalam usaha sama itu dihadkan kepada 20% sahaja? Selain itu, sila berikan perkembangan terkini berhubung kemajuan AMW dalam menerokai industri farmasi runcit yang semakin berkembang di Indonesia.</p> <p>d) Berapakah jumlah pelaburan Kumpulan yang dijangkakan, masing-masing dalam perniagaan farmasi runcit dan Taman Kesihatan dan Kesejahteraan?</p>
29.11.24 (Jumaat) 10.00 pagi	MTAG Group Berhad (AGM)	<p>Menjawab soalan MSWG 1(c) sewaktu AGM pada tahun lepas, MTAG menyatakan bahawa "Potensi impak terhadap pendapatan Kumpulan secara keseluruhan untuk tahun kewangan 2024 yang disebabkan oleh penurunan pesanan daripada pelanggan utama ini adalah kira-kira 50%".</p> <p>a) Apakah kesan yang sebenar terhadap jumlah pendapatan Kumpulan untuk tahun kewangan 2024? Berapakah sumbangan pendapatan daripada pelanggan utama ini pada tahun kewangan 2024?</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		<p>b) Adakah pesanan daripada pelanggan utama ini dijangka menurun lagi pada tahun kewangan 2025? Jika ya, apakah kesan yang berpotensi ke atas keputusan barisan teratas Kumpulan?</p> <p>c) Apakah langkah yang diambil untuk mengurangkan risiko kehilangan pelanggan utama ini atau untuk mempelbagaikan jenis pelanggan Kumpulan?</p>
<p>29.11.24 (Jumaat) 10.30 pagi</p>	<p>Fintec Global Berhad (AGM)</p>	<p>Setakat 30 Jun 2024, Fintec telah membelanjakan sebanyak RM91 juta, atau kira-kira 80% daripada RM114.62 juta iaitu jumlah hasil kasar yang diperoleh daripada terbitan hak dengan pelaksanaan waran yang telah diselesaikan pada Disember 2020. Jumlah yang diperoleh ini adalah untuk pembinaan kilang sarung tangan, perbelanjaan modal dan modal kerja perniagaan (Halaman 52, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Di halaman 28 Laporan Tahunan 2024, Fintec menyatakan bahawa perniagaan sarung tangan tidak melibatkan sebarang operasi pengeluaran melalui kilang. Sebaliknya, perniagaan itu hanya membeli dan menjual sarung tangan.</p> <p>Sila berikan pengesahan sama ada kilang itu pernah mengeluarkan sarung tangan sejak ia disiapkan pada Jun 2023. Jika tidak, adakah Syarikat merancang untuk memulakan operasi kilang sarung tangan dalam masa terdekat?</p> <p>b) Sila berikan beberapa foto atau video berkaitan kilang pembuatan sarung tangan di Chemor, Ipoh (dari bahagian luar dan dalam) bagi membolehkan pemegang saham memahami operasi Syarikat dengan lebih jelas.</p> <p>c) Apakah jumlah jualan yang dicatatkan untuk aktiviti pengedaran dan jual beli sarung tangan pada tahun kewangan 2024? Selain sarung tangan, apakah peralatan pelindung diri lain yang dikeluarkan, diedar dan dijual oleh Fintec?</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan																			
		<p>d) Setakat 30 Jun 2024, perniagaan sarung tangan mencatatkan aset berjumlah RM71.08 juta (Halaman 111, Laporan Tahunan 2024). Memandangkan prospek industri sarung tangan yang mencabar, adakah Kumpulan menjangkakan rosot nilai akan dibuat ke atas hartanah, loji dan peralatan yang berkaitan dengan aktiviti pembuatan sarung tangan pada masa hadapan?</p> <p>e) Dengan pelupusan barisan pencelupan sarung tangan, apakah rancangan Fintec untuk kilang sarung tangannya di Chemor, Ipoh? Adakah Syarikat akan menjual kilang itu? Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kumpulan untuk perniagaan pembuatan sarung tangan secara keseluruhan?</p> <p>f) Sejak dua tahun yang lalu, perniagaan Sarung Tangan Fintec menjana jualan sebanyak RM2.2 juta sahaja dan merekodkan kerugian sebanyak RM12.2 juta (Halaman 110 - 111, Nota 28 - Segmen Operasi, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Apakah kemungkinan untuk mengubah prestasi bahagian ini?</p>																			
29.11.24 (Jumaat) 11.00 pagi	Insas Berhad AGM	<p>Empat daripada lima segmen perniagaan Insas mencatatkan penurunan prestasi kewangan pada tahun kewangan 2024. Dua daripadanya mengalami kerugian segmen yang berjumlah antara RM4.88 juta dan RM19.77 juta, seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah:</p> <table border="1" data-bbox="587 1480 1390 1977"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Bahagian</th> <th colspan="2">Tahun Kewangan 2024</th> <th colspan="2">Tahun Kewangan 2023</th> </tr> <tr> <th>Pendapatan (RM'000)</th> <th>Untung / (Rugi) Segmen (RM'000)</th> <th>Pendapatan (RM'000)</th> <th>Untung/ (Rugi) Segmen (RM'000)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perkhidmatan Kewangan</td> <td>60,514</td> <td>20,996</td> <td>66,415</td> <td>26,890</td> </tr> <tr> <td>Perdagangan &</td> <td>92,976</td> <td>5,186</td> <td>127,985</td> <td>26,187</td> </tr> </tbody> </table>	Bahagian	Tahun Kewangan 2024		Tahun Kewangan 2023		Pendapatan (RM'000)	Untung / (Rugi) Segmen (RM'000)	Pendapatan (RM'000)	Untung/ (Rugi) Segmen (RM'000)	Perkhidmatan Kewangan	60,514	20,996	66,415	26,890	Perdagangan &	92,976	5,186	127,985	26,187
Bahagian	Tahun Kewangan 2024			Tahun Kewangan 2023																	
	Pendapatan (RM'000)	Untung / (Rugi) Segmen (RM'000)	Pendapatan (RM'000)	Untung/ (Rugi) Segmen (RM'000)																	
Perkhidmatan Kewangan	60,514	20,996	66,415	26,890																	
Perdagangan &	92,976	5,186	127,985	26,187																	

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan				
		Pegangan Pelaburan				
		Teknologi	75,316	88,678	1,785	68,448
		Pembuatan & Penedara n Produk & Perkhidma tan Pengguna, Perdagangan Runcit dan Sewaan Kereta	18,107	-4,877	19,706	3,687
		Pembangu nan & Pelaburan Hartanah	6,336	-19,772	944	-3,858
		Jumlah	253,249	90,211	216,835	121,354

(Sumber: Halaman 197 - 198, Nota 48 - Maklumat Segmen, Laporan Tahunan 2024)

a) Segmen Pelaburan & Pembangunan Hartanah melaporkan kerugian untuk setahun lagi dengan kerugian segmen sebanyak RM19.77 juta, terutamanya disebabkan oleh prestasi kewangan Ho Hup Construction Company Berhad yang semakin merosot. Bahagian kerugian Insas untuk Ho Hup meningkat kepada RM14.46 juta daripada RM1.2 juta pada tahun sebelumnya.

Di samping itu, Ho Hup juga sedang dalam proses membatalkan projek pembangunan bercampur Flex @ Bukit Jalil bernilai RM1 bilion dan akan melupuskan tanah projek itu yang berkeluasan 3.09 ekar kepada Kumpulan Exsim dengan balasan tunai sebanyak RM110 juta.

Melihat kesuraman prospek dan prestasi kewangan Ho Hup, apakah rancangan Insas untuk pelaburannya dalam Ho Hup? Adakah Syarikat akan meneruskan pelaburannya, atau mengeluarkannya secara berperingkat dan

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		<p>mengalihkan sumbernya kepada peluang yang lebih menjanjikan keuntungan?</p> <p>b) Segmen Pelaburan & Pembangunan Hartanah menanggung item bukan tunai berjumlah RM4.32 juta. Apakah yang terangkum dalam item bukan tunai ini?</p> <p>c) Sementara itu, bahagian Pembuatan & Pengedaran Produk & Perkhidmatan Pengguna, Perdagangan Runcit dan Penyewaan Kereta bertukar menjadi rugi dengan kerugian segmen sebanyak RM4.88 juta.</p> <p>Subsegmen manakah yang mengheret prestasi bahagian kepada kerugian? Sila jelaskan transaksi bukan tunai yang berjumlah RM3.89 juta.</p> <p>d) Walaupun melaporkan pendapatan yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2024, keuntungan Melium Holdings Sdn Bhd menjunam kepada RM4.64 juta daripada RM15.4 juta (halaman 152 - 153, Nota 10 - Syarikat Bersekutu, Laporan Tahunan 2024). Situasi ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kos persediaan awal yang tinggi untuk kedai jualan runcit kerana syarikat memulakan pengembangan operasi pada tahun kewangan 2024 dengan sepuluh kedai fesyen baharu dibuka di TRX dan IOI City Mall.</p> <p>i) Jika dikecualikan kedai yang baru dibuka, apakah pertumbuhan jualan untuk kedai-kedai yang sedia ada?</p> <p>ii) Adakah Melium akan meneruskan usaha pengembangannya pada tahun kewangan 2025? Berapakah jumlah kedai yang disasarkan?</p> <p>iii) Apakah pertumbuhan pendapatan yang diunjurkan untuk Melium, dengan mengambil kira persekitaran makroekonomi serta tingkah laku pembelian semasa pengguna?</p> <p>e) Sementara itu, syarikat bersekutu lain mencatatkan kerugian sebanyak RM23.34 juta berbanding dengan keuntungan sebanyak RM50.92 juta pada tahun kewangan 2023. Syarikat bersekutu manakah yang</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
		menyumbang kepada kerugian ini? Apakah yang menyebabkan mereka mencatatkan keputusan kewangan yang tidak memuaskan?